

Malaysia, Jerman gesa laksana segera gencatan senjata di Gaza

Pemimpin kedua-dua negara minta komuniti antarabangsa akhiri konflik di Palestin

Daripada Najmuddin Najib
nlnews@bh.com.my



di Jerman

Malaysia dan Jerman semalam menggesa agar gencatan senjata kekal di Gaza dengan pembebasan tawanan, disamping bantuan kemanusiaan dipercepat kepada rakyat Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam kenyataan bersama Canselor Jerman, Olaf Scholz, meminta komuniti antarabangsa untuk berusaha menjadikan matlamat penyelesaian dua negara sebagai kenyataan dan mengakhiri konflik yang berlarutan selama beberapa dekad.

"Sudah empat dekad kezaliman, rampasan dan pengusiran rakyat Palestin. Mari kita bergerak ke hadapan. Saya bersetuju dengan apa yang diungkapkan oleh Canselor mengenai penyelesaian akhir dua negara untuk memastikan wujudnya keamanan bagi kedua-dua

negara dan bekerja bersama-sama untuk memastikan terdapat pembangunan ekonomi dan kemajuan bagi penduduk di kawasan itu," katanya pada sidang media bersama Scholz selepas pertemuan empat mata dengan Canselor di Canselori Persekutuan.

Perdana Menteri juga ditanya oleh media asing sama ada beliau bimbang bahawa hubungan Malaysia dengan Hamas boleh merosakkan hubungannya dengan negara lain.

"Kedudukan dasar luar negara kami adalah konsisten. Kami menentang kolonialisme, apartheid atau pembersihan etnik atau pengusiran mana-mana negara, sama ada Ukraine atau di Gaza. Kami tidak boleh menghapuskan 40 tahun kezaliman dan pengusiran yang menghasilkan reaksi dan kemarahan daripada pihak yang berkenaan.

"Hubungan kami dengan Hamas adalah sayap politik di Hamas. Kami tidak meminta maaf tentang hal itu. Penglibatan itu sekurang-kurangnya sudah membantu membawa kebimbangan, sekurang-kurangnya tentang tawanan. Kami tidak mempunyai hubungan dengan mana-mana kumpulan tentera.

"Kami mengiktiraf Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) jauh sebelum Eropah atau Amerika berbuat demikian, kerana kami percaya dasar apartheid harus ditentang. Jadi kami konsisten dengan dasar itu, bahawa kita harus memahami punca asalnya," katanya.

Namun, Anwar menjelaskan, beliau menolak naratif bahawa seluruh krisis di Gaza ketika ini bermula daripada serangan ke



Olaf Scholz menemani Anwar berbuka puasa pada majlis sambutan rasmi bersempena lawatan enam hari Perdana Menteri ke Jerman, semalam.

(Foto BERNAMA)

atas Israel pada 7 Oktober 2023.

"Ia tidak bermula dengan 7 Oktober, begitu juga tidak berakhir pada 7 Oktober. Ia bermula empat dekad yang lalu dan berterusan hingga hari ini.

"Walaupun demikian, dalam perbincangan kami, saya katakan kepada Canselor, kita bergerak ke hadapan. Adakah kita membincangkan sejarah dan kezaliman lampau atau adakah kita membincangkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah sekarang?"

"Bermakna, menghentikan pembunuhan, kezaliman dan seluruh komuniti antarabangsa, Malaysia, Jerman, jiran-jirannya, memastikan tidak ada lagi keganasan yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan terhadap sesiapa pun.

"Orang Islam, orang Kristian atau orang Yahudi, mereka harus diberi kebebasan untuk hidup dalam keamanan," katanya.

Ditanya sama ada pertemuan kedua-dua pemimpin hari ini mampu mempengaruhi usaha gencatan senjata segera di Gaza, Anwar berkata kedua-dua negara boleh memainkan peranan masing-masing dalam mencari penyelesaian.

"Jerman mempunyai hubungan baik dengan Israel dan kami mempunyai hubungan yang sama dengan Palestin. Satu-satunya penyelesaian pada masa ini adalah gencatan senjata yang berkekalan. Penyelesaian dua negara hanya boleh dilakukan jika komuniti antarabangsa menunjukkan keberanian dan komitmen," katanya.

Penyelesaian dua negara

Sementara itu, Scholz, ketika ditanya pendapat negaranya mengenai hubungan Malaysia dengan Hamas, mengatakan negara itu sentiasa percaya bahawa Israel mempunyai hak untuk mempertahankan dirinya.

"Pada masa sama, kami ingin lebih banyak bantuan kemanusiaan sampai ke Gaza, untuk tawanan dibebaskan dan kami ingin mengelakkan sebarang kecederaan. Saya sudah bercakap tentang keperluan untuk perspektif damai jangka panjang bagi penyelesaian dua negara yang akan membolehkan penduduk Palestin di Gaza dan di Tebing Barat untuk hidup dengan aman, memerintah secara sendiri di negaranya sendiri yang bersebelahan dengan Israel sebagai sebuah demokrasi di rantau ini," katanya.

Scholz berkata Jerman sedang bekerjasama rapat dengan Amerika Syarikat (AS) dan negara-negara Arab lain untuk mencegah peningkatan kekerasan dan mencari penyelesaian kepada krisis berkenaan.

"Saya harap kita dapat menjadikan gencatan senjata yang berkekalan berlaku dan pembebasan tawanan pada Ramadan. Ini akan membawa kepada lebih banyak bantuan masuk ke Gaza," katanya, menambah beliau juga gembira dapat berbuka puasa bersama Anwar dan delegasi Malaysia untuk hari pertama Ramadan.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau dan Scholz sudah mengambil sikap tegas mengenai pe-

rang di Ukraine mengenai penaklukan dalam mana-mana negara, ter masuk tindakan oleh Russia dan mencari penyelesaian damai kepada konflik terbabit kerana kesan perdagangannya mempengaruhi sehingga ke Asia.

Ekonomi ASEAN, katanya, bukan saja berkembang pesat di dunia tetapi juga sebagai rantau yang aman, kecuali isu yang belum diselesaikan dengan Myanmar, yang berlaku dalam negara berkenaan dan tidak mempengaruhi rantau itu.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah memberi jaminan kepada Jerman bahawa hubungannya dengan China adalah baik dan tidak berdepan dengan sebarang isu yang serius.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang kecil, ia berhak menjalin hubungan dengan banyak negara bagi memastikan rakyatnya mendapat manfaat daripada kerjasama itu.

"Saya amat kagum dengan keikhlasan dan pemahaman anda termasuk mengenai apa yang berlaku di Malaysia serta rantau ini," katanya.

Meskipun Malaysia mengakui pengaruh China yang semakin berkembang serta kesannya terhadap dinamik serantau, Anwar berkata komitmen negara untuk mengekalkan hubungan baik dengan China dan pada masa yang sama melindungi kedaulatan serta kepentingannya sendiri juga adalah penting.

Semasa mesyuarat dua hala dengan Scholz, Anwar berkata beliau telah memaklumkan bahawa China adalah rakan perdagangan utama Malaysia di peringkat global dan kedua-dua negara meraikan sambutan Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan Hubungan Diplomatik tahun ini, yang merupakan satu pencapaian bersejarah bagi mereka.

Anwar juga berkata beliau menekankan kepentingan pembabitatan secara konstruktif dan dialog bagi menangani sebarang cabaran yang timbul daripada pengaruh China di rantau ini termasuk isu membabitkan Laut China Selatan.

Mengenai krisis di Ukraine, Perdana Menteri berkata kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa Russia perlu menghentikan pencerobohan di sana dan mencari penyelesaian secara aman dalam konflik itu.

"Ia mempunyai kesan dari segi perdagangan dan pembangunan ekonomi malah natijahnya dapat dirasai hingga ke Asia," kata beliau.